Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan asas bagi ekonomi Malaysia terus teguh berikutan pengembangan sebanyak 5.2% pada tahun 2005. Dasar makroekonomi yang menyokong serta keadaan kewangan yang menggalakkan telah membolehkan ekonomi Malaysia terus berdaya tahan, dan sektor swasta terus sebagai pendorong utama pertumbuhan ekonomi.

KDNK Benar, Kadar Inflasi dan Perdagangan Dunia



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Perkembangan Penting pada Tahun 2005

Kesemua sektor ekonomi, kecuali sektor pembinaan, mencatat pertumbuhan yang positif pada tahun 2005. Nilai ditambah ***sektor perkilangan*** meningkat 5.1%. Perkembangan dalam sektor perkilangan dipengaruhi terutamanya oleh perubahan kitaran industri elektronik global. Berikutan pengeluaran yang berlebihan pada tahun 2004, pengeluar dalam industri elektronik dan elektrik (E&E) membuat penyelarasan terhadap inventori mereka dengan mengurangkan pengeluaran pada separuh pertama tahun 2005. Pada separuh kedua, pengeluaran dan jualan separa konduktor meningkat berikutan peningkatan permintaan global terhadapnya daripada sektor perniagaan dan pengguna di seluruh dunia. Dalam industri berorientasikan dalam negeri, permintaan dalam negeri yang mapan memberi rangsangan terhadap pertumbuhan industri makanan dan minuman; keluaran kertas; dan kelengkapan pengangkutan. Walau bagaimanapun, prestasi sektor pembinaan yang lembap menyebabkan penurunan yang berterusan dalam pengeluaran industri berkaitan pembinaan.

Sektor perkhidmatan mencatat pengembangan yang kukuh sebanyak 6.5%, melebihi kadar pertumbuhan KDNK keseluruhan. Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan bidang pertumbuhan baru dalam sektor perkhidmatan.

Sektor pertanian berkembang pada kadar sederhana sebanyak 2.5% pada tahun 2005. Sektor minyak sawit mendapat manfaat daripada hasil yang tinggi dan pertambahan kawasan matang, manakala prestasi tanaman pertanian lain terjejas akibat keadaan cuaca yang kurang baik pada tahun itu.

KDNK Benar mengikut Sektor (1987=100)

	2004	2005	2006r
	Perubahan tahunan (%)		
Pertanian	5.0	2.5	2.0
Perlombongan	3.9	0.8	5.0
Perkilangan	9.8	5.1	7.0
Pembinaan	-1.5	-1.6	1.0
Perkhidmatan	7.0	6.5	6.0
KDNK Benar	**7.2**	**5.2**	**6.0**

r Ramalan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan ***sektor perlombongan*** sederhana pada 0.8% disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah, walaupun pengeluaran gas asli dan kondensat lebih tinggi. Kemerosotan dalam pengeluaran minyak mentah adalah akibat penutupan beberapa loji dan pelantar minyak untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan. Peningkatan dalam pengeluaran gas asli disokong oleh peningkatan permintaan daripada penjana tenaga elektrik domestik, pengguna perindustrian dan pembeli asing utama.

Dalam ***sektor pembinaan***, aktiviti dalam segmen kediaman dan bukan kediaman berkembang, tetapi aktiviti keseluruhan masih lembap, disebabkan kurangnya aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam berikutan penyiapan beberapa projek infrastruktur yang diswastakan dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Pada tahun 2005, keadaan permintaan dalam negeri kekal menggalakkan, meskipun terdapat kebimbangan berikutan kenaikan harga minyak dan ketidakpastian mengenai prospek luaran pada awal tahun itu. **Perbelanjaan pengguna** berterusan pada tahap yang tinggi sepanjang tahun dan meningkat 9.2% pada tahun itu. Pengguna mendapat manfaat daripada peningkatan pendapatan boleh guna yang berterusan hasil daripada perolehan eksport yang tinggi dan keadaan pasaran pekerjaan yang menggalakkan. Persekitaran kredit yang kompetitif memberi sokongan tambahan pada perbelanjaan sektor isi rumah.

Pelaburan swasta, yang menunjukkan trend positif sejak separuh kedua tahun 2003, terus bertambah kukuh dan meningkat 10.8% pada tahun 2005, dengan pertumbuhan yang positif dalam kesemua sektor kecuali sektor pembinaan. Keyakinan sektor perniagaan berterusan sepanjang tahun, sementara aliran tunai yang positif membolehkan syarikat menggunakan dana yang dijana secara dalaman untuk membiayai perbelanjaan modal. Namun demikian, lebihan ini mengecil sedikit pada tahun 2005 dan syarikat juga mendapatkan dana daripada sistem kewangan kerana kos pembiayaan yang rendah.

Sementara itu, Kerajaan terus memberi tumpuan pada usaha pembangunan di samping memperbaik perkhidmatan asas dan sistem penyampaian awam bagi membolehkan sektor swasta mengekalkan momentum pertumbuhan. Hasilnya, Kerajaan dapat mengekalkan dasar konsolidasi secara beransur-ansur bagi kedudukan fisikalnya. Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan menurun kepada 3.8% daripada KDNK pada tahun 2005 (2004: -4.3%). Walaupun sedang melaksanakan konsolidasi, Kerajaan tetap menyokong pertumbuhan dengan dasar disasarkan pada menambah baik persekitaran perniagaan untuk ekonomi.

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2004	2005	2006r
	Perubahan tahunan (%)		
Permintaan dalam negeri [1]/	**7.5**	**7.3**	**5.9**
Perbelanjaan sektor swasta	13.1	9.5	7.4
Penggunaan	*10.5*	*9.2*	*6.8*
Pelaburan	*25.8*	*10.8*	*10.0*
Perbelanjaan sektor awam	-2.1	2.8	3.0
Penggunaan	*6.2*	*5.4*	*3.2*
Pelaburan	*-8.7*	*0.4*	*2.7*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-22.4**	**16.7**	**-5.4**
Eksport	16.3	8.6	8.9
Import	20.7	8.0	10.0
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	**7.2**	**5.2**	**6.0**

r Ramalan [1]/ Tidak termasuk stok

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Biarpun berhadapan dengan kenaikan harga minyak, **inflasi** terus pada tahap yang dapat diurus pada tahun 2005. Indeks harga pengguna (IHP) meningkat 3% pada tahun 2005, didorong terutamanya oleh pelarasan terhadap harga-harga yang ditadbir. Kenaikan harga akibat tolakan kos dilihat terutamanya dalam kategori pengangkutan dan komunikasi apabila IHP memuncak pada 3.7% pada bulan Ogos, sebelum menurun kepada 3% menjelang akhir tahun 2005. Pelarasan harga runcit petrol dan diesel secara berperingkat dan penyerapan sebahagian daripada kenaikan harga oleh pengeluar akibat persaingan, menyederhanakan kenaikan harga dalam negeri. Di samping itu, kecekapan penggunaan tenaga yang meningkat dan peningkatan produktiviti membantu membendung tekanan harga. Hasilnya, inflasi teras atau inflasi yang disebabkan oleh tekanan permintaan terus rendah pada 2%.

Pasaran pekerja dalam negeri masih teguh dan stabil pada tahun 2005. Kadar pengangguran terus stabil pada 3.5%. Pada tahun 2005, pemberhentian pekerja berkurang, mencerminkan peningkatan aktiviti ekonomi pada separuh tahun kedua dan kefleksibelan yang diberi kepada majikan untuk mengambil langkah alternatif seperti pemberhentian sementara dan mengenakan potongan gaji. Begitu juga, jawatan kosong bertambah dengan kukuh sepanjang tahun 2005. Penempatan pekerja juga lebih kukuh, mencerminkan peningkatan kecekapan dalam proses pemadanan pekerja.

Sektor luaran terus bertambah kukuh. ***Akaun semasa*** mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM75.7 bilion, bersamaan 16.1% daripada KNK. Eksport barangan meningkat pada kadar yang lebih tinggi (11%) berbanding dengan pertumbuhan import (8.5%). Eksport komoditi, terutamanya minyak mentah dan gas asli cecair, meningkat dengan ketara sebanyak 16% pada tahun 2005, mencerminkan harga tenaga yang tinggi, sementara pertumbuhan eksport perkilangan pulih pada separuh tahun kedua, didorong oleh pemulihan sektor elektronik global. Sementara itu, aliran keluar yang lebih besar dalam akaun perkhidmatan lain dan pembayaran yang lebih tinggi untuk perjalanan luar negeri mengakibatkan defisit akaun perkhidmatan bertambah besar.

Pelaburan langsung asing terus berada pada tahap yang tinggi sebanyak RM25.7 bilion atau 5.4% daripada KNK (2004: RM23.5 bilion), dengan aliran masuk yang menyeluruh meliputi sektor utama seperti minyak dan gas, perkhidmatan dan perkilangan. Yang penting, terdapat peningkatan besar pelaburan langsung asing (FDI) dari negara pelabur utama, seperti Amerika Syarikat, Hong Kong China dan Jerman. Sejumlah besar FDI masih dalam bentuk perolehan yang dilabur semula, mencerminkan pengembangan dan pempelbagaian operasi yang berterusan oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang sedia ada, terutamanya dalam sektor perkilangan serta minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, aliran FDI disalurkan terutamanya kepada subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta restoran, hotel, perdagangan borong dan runcit.

Imbangan Pembayaran

	2004	2005	2006r
	RM bilion		
Barangan	104.5	125.6	138.4
Akaun perdagangan	80.7	99.8	108.3
Eksport (% perubahan tahunan)	*20.8*	*11.0*	*12.5*
Import (% perubahan tahunan)	*26.4*	*8.5*	*13.4*
Perkhidmatan	-8.8	-9.0	-10.3
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**95.7**	**116.6**	**128.1**
Pendapatan	-24.5	-23.9	-23.7
Pindahan semasa	-14.6	-17.0	-15.0
Imbangan akaun semasa	**56.5**	**75.7**	**89.4**
% daripada KNK	***13.3***	***16.1***	***17.2***
Akaun kewangan	16.8	-37.0	-
Kesilapan dan ketinggalan antaranya:	10.5	-25.0	-
Penambahan (+)/pengurangan(-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*8.0*	*-15.5*	-
Imbangan keseluruhan	**83.8**	**13.6**	-

Nota : Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

r Ramalan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa bersih meningkat kepada RM265.4 bilion atau USD70.2 bilion pada akhir tahun 2005. Ini disebabkan lebihan akaun semasa yang lebih besar telah mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan dan pengurangan nilai rizab akibat penilaian semula pertukaran asing ekoran pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Rizab meningkat lagi kepada RM288.5 bilion atau USD78.4 bilion pada 15 Jun 2006; memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan 6.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Prospek dan Dasar pada Tahun 2006

Pada tahun 2006, **prospek ekonomi global** dijangka terus positif. Pengeluaran dan perdagangan dunia diunjurkan berkembang dengan lebih pesat, masing-masing pada 4.9% dan 8%. Pertumbuhan dijangka lebih seimbang, dengan kebanyakan ekonomi utama, termasuk ekonomi Jepun dan Eropah menunjukkan pengembangan positif. Pertumbuhan akan disokong oleh trend menaik dalam pelaburan dan kitaran elektronik serta keadaan mudah tunai yang terus menggalakkan.

Prospek ekonomi global dijangka terus positif.

Sejajar dengan jangkaan peningkatan perdagangan dunia dan keadaan global yang masih menggalakkan, pertumbuhan di rantau Asia dijangka meningkat pada kadar yang kukuh, iaitu 7-7.2%. Pertumbuhan akan disokong oleh pemulihan sektor elektronik dan permintaan dalam negeri yang terus kukuh.

Dengan perkembangan positif ini, **ekonomi Malaysia** dijangka mengembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 6%, disokong oleh pengukuhan eksport dan permintaan dalam negeri yang mapan. Kitaran menaik separa konduktor global, pertumbuhan global yang mapan dan harga komoditi utama yang lebih tinggi dijangka memberi kesan positif terhadap eksport serta penggunaan dan pelaburan swasta. Penunjuk semasa memperlihatkan bahawa peningkatan dalam industri separa konduktor global yang bermula pada separuh kedua tahun 2005, akan menjadi lebih pesat pada tahun 2006.

Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada perkembangan menggalakkan ini dengan pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang lebih kukuh, terutamanya segmen komputer dan separa konduktor. Hasilnya, ***sektor perkilangan*** dijangka meningkat pada kadar yang lebih mantap sebanyak 7% pada tahun 2006. Pemulihan pengeluaran minyak mentah dan pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dijangka meningkatkan pertumbuhan nilai ditambah ***sektor perlombongan*** kepada 5%.

Pertumbuhan ***sektor pembinaan*** juga dijangka pulih, berkembang 1% selepas mengalami prestasi negatif selama dua tahun berturut-turut. Pertumbuhan akan dipacu oleh pemulihan segmen kejuruteraan awam disebabkan kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan dalam industri minyak dan gas, dan turut disokong oleh projek- projek awam baru yang dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan dan pertanian akan kekal mapan pada tahun 2006, seterusnya menyumbang secara positif terhadap pertumbuhan. ***Sektor perkhidmatan*** dijangka meningkat 6%, diterajui oleh segmen perkhidmatan pengantaraan, sejajar dengan pertumbuhan lebih tinggi dalam aktiviti perkilangan dan perdagangan. Dalam ***sektor pertanian***, pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pengeluaran getah dan hasil pertanian lain akan diimbangi oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah berikutan hasil yang tinggi selama tiga tahun berturut-turut, dan pertambahan kawasan matang yang lebih perlahan.

Permintaaan dalam negeri akan dipacu oleh sektor swasta bagi tahun keempat berturut-turut kerana ***penggunaan swasta*** (6.8%) masih merupakan sumber pertumbuhan penting. Tidak kurang pentingnya ialah pengembangan ***pelaburan swasta*** (10%) yang berterusan akan memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mapan dengan bertambahnya stok modal yang produktif. Dalam hal ini, usaha akan diperhebat bagi meningkatkan sumbangan pelaburan swasta kepada pertumbuhan. Perbelanjaan Kerajaan akan ditumpukan pada penambahbaikan sistem penyampaian sektor awam sambil memberi keutamaan kepada pembangunan luar bandar. Hasilnya, ***penggunaan awam*** diramal meningkat sederhana sebanyak 3.2%. Sementara itu, ***pelaburan awam*** dijangka meningkat dengan lebih kukuh sebanyak 2.7%, dengan beberapa perusahaan awam bukan kewangan (PABK) terpilih meningkatkan perbelanjaan modal pada tahun 2006.

Pertumbuhan Komponen Permintaan Dalam Negeri



Sumber : Bank Negara Malaysia

Pengukuhan eksport akan memastikan lebihan **akaun semasa** imbangan pembayaran kekal besar pada RM89.4 bilion atau 17.2% daripada KNK. Lebihan yang lebih besar ini akan didorong oleh peningkatan akaun perdagangan selanjutnya, yang dijangka mencatat lebihan sebanyak RM108.3 bilion. ***Eksport perkilangan*** dijangka kukuh dengan meningkat 12%, dipacu oleh peningkatan permintaan global terhadap elektronik, terutamanya komputer mudah alih dengan fungsi tanpa wayar dan separa konduktor yang disebabkan aplikasi cip yang lebih meluas dalam pelbagai perkakasan. Eksport keluaran berasaskan sumber, juga dijangka menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan akan berkembang pada kadar yang kukuh disebabkan permintaan global dan harga yang lebih tinggi.

Eksport komoditi juga akan memberi sokongan besar terhadap pertumbuhan eksport, disebabkan peningkatan jumlah eksport dan harga yang lebih tinggi, khususnya untuk minyak mentah, gas asli dan getah.

Dalam ***akaun perkhidmatan***, defisit diunjurkan meningkat disebabkan terutamanya oleh defisit dalam akaun pengangkutan yang lebih besar kerana unjuran jumlah perdagangan yang lebih tinggi. Sebaliknya, pelancongan akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pendapatan perkhidmatan. Di samping itu, defisit perkhidmatan lain dijangka bertambah baik disebabkan eksport perkhidmatan komunikasi, perniagaan dan maklumat komputer yang lebih tinggi. Trend ini seiring dengan aktiviti penggunaan khidmat pihak ketiga, penyediaan perkhidmatan sokongan kumpulan dan perkhidmatan pemprosesan *back-office* yang semakin penting.

Defisit **akaun pendapatan** dijangka terus berada pada 4.6% daripada KNK, disebabkan keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat multinasional yang lebih tinggi hasil daripada pelaburan mereka di Malaysia, sejajar dengan prestasi eksport yang kukuh. Syarikat Malaysia yang melabur di luar negara, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, perladangan, infrastruktur dan utiliti, juga dijangka mencatat keuntungan dan dividen yang lebih tinggi, seterusnya menyumbang terhadap aliran masuk pendapatan.

Inflasi tolakan kos dijangka meningkat berikutan kenaikan harga keluaran petroleum pada 28 Februari 2006, dengan IHP memuncak pada separuh pertama tahun ini. Kadar inflasi dijangka mengalami trend menurun berikutan berakhirnya pelarasan harga yang dilaksanakan pada tahun 2005 pada separuh kedua tahun 2006. Dengan itu, kadar purata inflasi dijangka berada dalam julat 3.5-4%.

Dasar monetari akan terus tertumpu pada usaha untuk memastikan pertumbuhan yang mapan dengan harga yang stabil. Dengan prospek pertumbuhan yang lebih baik, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dinaikkan dua kali sebanyak 50 mata asas kepada 3.50% pada tahun 2006 berikutan anggapan bahawa risiko terhadap pertumbuhan semakin berkurang. Kenaikan OPR merupakan langkah ke arah menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa. Namun begitu, OPR semasa masih di bawah tahap neutral, iaitu berada pada kadar yang dasar monetari tidak memberi kesan mengembang mahupun menguncup terhadap pertumbuhan. Oleh itu, dasar monetari terus menyokong pengembangan ekonomi selanjutnya.

Kerajaan menjangka defisit fiskal boleh dikurangkan lagi pada tahun 2006 kepada 3.6% daripada KDNK, daripada 3.8% pada tahun 2005. Namun begitu, perbelanjaan Kerajaan akan terus disasarkan pada menyokong pertumbuhan ekonomi dengan memperbaik sistem penyampaian dan meningkatkan infrastruktur bagi mengekalkan permintaan sektor swasta. Oleh itu, **dasar fiskal** akan terus ditumpukan pada memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mapan.

Tinjauan Rancangan Malaysia Kesembilan

Demi mencapai pertumbuhan seimbang dalam persekitaran sosial dan politik yang stabil, Kerajaan melancarkan **Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010** pada 31 Mac 2006. Rancangan ini merupakan rangka tindakan lima tahun yang pertama Misi Nasional[1], yang menggariskan dasar dan program utama yang bertujuan untuk mencapai teras dan matlamat Misi. Pengurusan makroekonomi keseluruhan dalam tempoh Rancangan akan tertumpu pada usaha mengekalkan pertumbuhan dengan memantapkan daya tahan ekonomi.

Strategi makroekonomi utama yang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan adalah seperti yang berikut :

- Mencapai kadar pertumbuhan yang menggalakkan di samping mengekalkan asas-asas ekonomi yang kukuh;
- Memperkukuh daya saing untuk mengekalkan permintaan terhadap keluaran dan perkhidmatan Malaysia;
- Meningkatkan sumbangan sektor swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan terhadap pertumbuhan dan menarik FDI yang berkualiti untuk mempercepat kemajuan ke arah aktiviti berteknologi tinggi dan meluaskan rantaian pasaran;
- Menggalakkan pembangunan sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan serta memperluas ekonomi berasaskan pengetahuan;
- Meningkatkan kecekapan modal, produktiviti pekerja dan sumbangan produktiviti faktor menyeluruh (TFP); dan
- Mengekalkan pengurusan fiskal yang pragmatik dan melaksanakan dasar monetari yang bersesuaian untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri.

Dalam tempoh Rancangan, ekonomi Malaysia diunjur berkembang pada kadar purata 6% setahun dengan kestabilan harga, selaras dengan keluaran potensinya. Prospek pertumbuhan diasaskan pada perkembangan yang menggalakkan dalam persekitaran dalam negeri dan luar negara. Di peringkat antarabangsa, pengeluaran dan perdagangan global masing-masing diunjur tumbuh pada kadar purata 4.3% dan 7.1% setahun.

Di dalam negeri, pertumbuhan dijangka disokong oleh pengembangan berterusan dalam pelaburan dan penggunaan swasta. **Penggunaan swasta** dijangka meningkat pada kadar purata 6.9% disebabkan kenaikan seterusnya dalam pendapatan, yang disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan harga komoditi yang menggalakkan.

---

[1] Misi Nasional adalah rangka kerja untuk mendapatkan impak dan prestasi yang lebih besar daripada usaha-usaha pembangunan negara dalam mencapai Wawasan 2020.

Pelaburan swasta diunjur meningkat pada kadar purata 11.2% dalam tempoh Rancangan. Untuk mencapai sasaran pelaburan swasta ini, usaha akan dijuruskan ke arah memperbaik iklim pelaburan di samping memperkemas sistem penyampaian sektor awam untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Inisiatif pembiayaan swasta, iaitu skim yang sektor swasta akan menjalankan projek pembangunan bagi pihak Kerajaan, juga dijangka merangsang pertumbuhan pelaburan swasta. Sementara itu, usaha akan dipergiat untuk menarik FDI, terutamanya dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan intensif teknologi.

Kerajaan akan menggunakan pendekatan yang pragmatik dalam pengurusan fiskal sambil terus menyokong inisiatif sektor swasta. Oleh itu, defisit fiskal diunjur menurun secara beransur-ansur daripada 3.8% daripada KDNK pada tahun 2005 kepada 3.4% pada tahun 2010. Yang lebih penting ialah pertumbuhan akan dirangsang oleh kecekapan yang lebih tinggi, peningkatan kemahiran dan kenaikan dalam produktiviti apabila ekonomi menjadi semakin berasaskan pengetahuan dan teknologi. Dari segi perbelanjaan awam, **pelaburan awam** dijangka mengembang 5% setahun dengan perbelanjaan pembangunan Kerajaan ditumpukan pada projek yang akan menjana kesan pengganda yang maksimum dan kesan limpahan geografi yang meluas. **Penggunaan awam** diunjurkan meningkat pada kadar purata 5.3% dalam tempoh Rancangan, mencerminkan pengurusan fiskal yang berhemat.

KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	RMK-8	RMK-9
	Kadar Pertumbuhan tahunan purata (%)	
Penggunaan	**7.4**	**6.5**
Sektor swasta	*6.6*	*6.9*
Sektor awam	*10.2*	*5.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	**1.6**	**7.9**
Sektor swasta	*-1.0*	*11.2*
Sektor awam	*3.9*	*5.0*
Eksport barangan dan perkhidmatan	5.2	7.1
Import barangan dan perkhidmatan	5.6	7.9
KDNK Benar	**4.5**	**6.0**

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Dari segi pengeluaran, pertumbuhan akan didorong oleh pengembangan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian melalui peningkatan produktiviti dan daya saing serta peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan lebih berasaskan pengetahuan.

Sektor perkilangan, yang akan dipandu oleh Pelan Induk Perindustrian Ketiga, 2006-2020, dijangka mengembang pada kadar purata 6.7% setahun sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Sementara industri yang sedia ada akan diperkukuh, sumber pertumbuhan baru yang tertumpu pada keluaran *niche* untuk pasaran terpilih akan dimanfaatkan. Peningkatan kapasiti penyelidikan dan pembangunan, kemahiran teknikal dan pengurusan serta pembangunan produk bernilai tinggi yang baru dan berpotensi untuk dieksport, akan digalakkan. Sektor PKS yang berdaya saing, inovatif dan berteknologi tinggi akan dibangunkan. Dalam industri berasaskan sumber, industri pemprosesan makanan, bioteknologi, kimia dan keluaran kimia lain akan terus diperkukuh. Dalam industri bukan berasaskan sumber, sektor E&E dijangka bertambah kukuh, manakala industri berkaitan automotif akan dirangsang oleh liberalisasi industri automotif.

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** dijangka kekal pada kadar purata 6.5% setahun, dengan didorong oleh subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel

Sektor pertanian dijangka berkembang 5% setahun dengan minyak sawit, getah dan aktiviti berkaitan makanan sebagai sumber pertumbuhan utama. Dalam subsektor makanan, penekanan akan diberi pada pengeluaran ternakan, ikan, terutamanya perikanan laut dalam dan akuakultur, serta buah-buahan dan sayur-sayuran bernilai tinggi. Kerajaan juga akan memberi penekanan pada Pertanian Baru, yang melibatkan pertanian komersial berskala besar dan penglibatan dalam aktiviti berkualiti tinggi dan juga mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Sementara itu, **sektor perlombongan** dijangka berkembang pada kadar purata 3.4% setahun mencerminkan pengeluaran minyak mentah dan kondensat serta gas asli yang lebih tinggi.

Sektor pembinaan dijangka meningkat pada kadar purata 3.5% setahun dalam tempoh Rancangan, didorong oleh pelaksanaan projek infrastruktur serta pembangunan harta kediaman dan komersial. Antara projek infrastruktur baru yang akan dilaksanakan ialah pembinaan jalan raya, lapangan terbang, bekalan air dan pengangkutan berasaskan rel.

KDNK Benar mengikut Sektor (1987=100)				
	RMK-8	RMK-9	RMK-8	RMK-9
	Kadar Pertumbuhan tahunan purata (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (%)	
Pertanian	3.0	5.0	0.3	0.4
Perlombongan	2.6	3.4	0.2	0.2
Perkilangan	4.1	6.7	1.3	2.1
Pembinaan	0.5	3.5	0.0	0.1
Perkhidmatan	6.1	6.5	3.4	3.8
KDNK Benar	**4.5**	**6.0**	**4.5**	**6.0**

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Akaun semasa **imbangan pembayaran** dijangka kekal teguh dengan mencatat lebihan yang bersamaan 14.9% daripada KNK pada tahun 2010. Akaun barangan diunjurkan mencatat lebihan bersamaan 21.9% daripada KNK pada akhir tempoh Rancangan, sebahagiannya disebabkan harga komoditi dan kadar syarat perdagangan yang lebih baik. Defisit perkhidmatan dijangka mengecil dalam tempoh Rancangan, hasil usaha bersepadu untuk menggalakkan pelancongan dan pengeksportan perkhidmatan termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan komputer dan maklumat. Namun begitu, akaun pendapatan dijangka terus mengalami defisit, pada RM39.5 bilion pada tahun 2010, disebabkan terutamanya oleh keuntungan dan dividen yang lebih tinggi yang terakru kepada pelabur asing.

Dengan persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik, cabaran utama dalam tempoh Rancangan adalah untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mapan dengan menjana sumbangan yang lebih tinggi daripada sektor swasta, terutamanya melalui pelaburan dalam negeri. Oleh itu, usaha mempertingkat pembangunan PKS akan merupakan keutamaan yang penting semasa tempoh Rancangan. Strategi akan ditumpukan pada mewujudkan PKS yang berprestasi cemerlang dan berdaya tahan, yang dilengkapi dengan keupayaan teknikal dan inovasi yang kukuh serta kemahiran pengurusan dan perniagaan untuk menjadi kompetitif dalam pasaran global.